

19 DEC 1996

Pas-Pilihan raya

PAS ANGGAP PULAI CHONDONG UJI PENGARUH TG RAZALEIGH

Oleh: Ali Mamat

KOTA BAHARU, 19 Dis (Bernama) -- Pas Kelantan menganggap pilihan raya kecil kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulai Chondong 6 Januari depan sebagai ujian terhadap pengaruh sebenar bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) yang telah dibubarkan, Tengku Razaleigh Hamzah di negeri ini.

"Kita tidak fikir pilihan raya ini medan untuk menguji pengaruh Pas atau Umno....Ia sebenarnya satu pentas bagi Ku Li untuk membuktikan dakwaannya bahawa beliau mempunyai pengaruh yang besar di negeri ini," ujar Ketua Pemuda Pas Kelantan, Haji Hussam Musa, di sini hari ini.

Tengku Razaleigh membubarkan S46 pada 6 Oktober lepas dan membawa pengikutnya menyertai Umno selepas hubungannya dengan Pas yang terjalin sejak pilihan raya umum 1990 terputus pertengahan tahun ini.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian anggota DUN berkenaan, Kapt (B) Mohamad Noor Ahmad 4 Disember lepas. Mohamad Noor memenangi kerusi itu sejak 1990 atas tiket S46.

Ketika mengumumkan hasratnya untuk menyertai Umno, Tengku Razaleigh ada menyebut bahawa misi utamanya selepas itu ialah untuk membantu Barisan Nasional menumbangkan kerajaan Pas di negeri ini.

Bekas Menteri Kewangan itu yang dianggap banyak pihak sebagai seorang ahli strategi politik, memainkan peranan utama menjatuhkan kerajaan Pas pada tahun 1978 selepas berkuasa di negeri ini sejak 1959.

Beliau juga membantu Pas berkuasa semula di Kelantan pada tahun 1990 dengan membawa S46 bergabung dengan Pas menerusi satu gagasan longgar yang dikenali Angkatan Perpaduan Ummah (APU).

Hussam yang juga Setiausaha Politik Menteri Besar Kelantan Datuk Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, andaian banyak pihak kononnya pilihan raya Pulai Chondong itu pentas menguji kekuatan Pas atau Umno adalah tidak tepat.

Andaian itu, katanya, adalah tidak munasabah kerana daripada segi Pas, ia bukan setakat berhadapan dengan Umno tetapi termasuk juga sekumpulan pegawai kanan kerajaan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam negeri, bahkan Istana yang semuanya mengambil sikap bermusuhan dengan Pas.

"Kita lebih percaya bahawa pilihan raya itu adalah peluang terakhir bagi Ku Li untuk bernyawa semula dalam politik. Dalam keadaan beliau tidak diberi apa-apa tempat istimewa di dalam Umno, kekalahan BN di Pulai Chondong mungkin menamatkan riwayat politik Ku Li untuk selama-lamanya," ujar beliau.

Bertentangan dengan spekulasi banyak kalangan, Tengku Razaleigh telah tidak diberi apa-apa kedudukan ketika Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggunakan kuasanya untuk melantik 10 anggota tambahan Majlis Tertinggi (MT) parti itu baru-baru ini.

Mengenai peluang Pas di Pulai Chondong, Hussam mengulangi kenyataan Timbalan Menteri Besar Haji Abdul Halim Abdul Rahman bahawa "jika kita menang ia satu bonus buat Pas" kerana kawasan itu secara tradisinya ialah kubu kuat Umno.

Hussam juga menafikan laporan media massa dan desas-desus kononnya beliau akan dicalonkan oleh Pas untuk bertanding pada pilihan raya kecil itu.

"Kita ada banyak tokoh veteran dan muda yang lebih berkaliber untuk dicalon dan seterusnya membawa kemenangan kepada parti," tegas beliau.

Sesetengah pemerhati di sini percaya, menurut perkiraan politik Pas,

Hussam bukan calon terbaik dan boleh menjadi beban kepada parti itu jika terpilih kerana pendiriannya yang lantang, terutama dalam isu perbalahan antara kerajaan negeri dan Istana Kelantan. -- BERNAMA

AM OBA